

04 NOV 1997

G15-Anwar (Dengan gambar)

NIGERIA, ARGENTINA SOKONG M'SIA DALAM TANGANI KEMELUT MATA WANG

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Argentina dan Nigeria menyokong pendekatan Malaysia dalam menangani kemelut mata wang dan telah mencadangkan agar para pegawai perbendaharaan negara-negara G15 segera bertemu untuk membincangkan masalah itu.

Naib Presiden Argentina Dr Carlos Ruckauf dan Menteri Perancangan Nigeria Chief Ayo Ogunlade berkata demikian hari ini sewaktu mereka berjumpa Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di hotel Palace of the Golden Horses di sini, tempat persidangan sidang kemuncak ketujuh G15.

Ketika bercakap dengan pemberita selepas dua pertemuan itu, Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Clifford Herbert berkata semasa pertemuan pertama, Chief Ogunlade memaklumkan kepada Anwar mengenai langkah liberalisasi ekonomi, peraturan pelaburan dan sistem pertukaran asing Nigeria.

Menteri Nigeria itu juga melahirkan sokongan terhadap pergerakan Selatan-Selatan dan G15 dan kagum dengan pendekatan yang diambil oleh Malaysia dalam menangani masalah mata wang, kata Herbert.

"Mereka kagum dengan penjelasan yang diberikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perasmian (sidang kemuncak itu) semalam dan berharap mereka dapat bekerjasama dengan kita berhubung perkara ini," katanya.

Herbert berkata Chief Ogunlade juga melahirkan harapan agar perhubungan antara Nigeria dan Malaysia dapat diperkukuhkan manakala Anwar memberitahu menteri berkenaan bahawa Nigeria, sebagai sebuah negara utama di Afrika, boleh melakukan banyak lagi untuk mempromosikan Malaysia di benua itu.

Dalam pertemuan kedua, Anwar, yang juga Menteri Kewangan, meminta pendapat Dr Ruckauf bagaimana Argentina bertindak dalam menstabilkan ekonomi negara itu selepas mata wangnya diserang oleh spekulator baru-baru ini.

Herbert berkata naib presiden itu pula berminat untuk mengetahui bagaimana Malaysia akan menyelesaikan kemelut mata wang, dan kagum dengan penjelasan Dr Mahathir mengenai perkara itu pada sesi perasmian sidang kemuncak.

Anwar dan Dr Ruckauf menyokong gesaan supaya diwujudkan sistem pemakluman mengenai pergerakan mata wang agar menjadikan pasaran lebih telus.

Dr Ruckauf dan Anwar bersetuju negara-negara G15 perlu bekerjasama dan menghasilkan cadangan mengenai perkara itu.

Pemimpin Argentina itu juga menyokong langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia dan berharap dapat meningkatkan hubungan dua hala dengan Malaysia.

-- BERNAMA

ZAB AKD